

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA
PEMBUKAAN RASMI PERTANDINGAN MEM-
BACA AL-QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN,
1971 DI STADIUM MERDEKA, KUALA LUMPUR
PADA 5HB NOVEMBER, 1971

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izinNya kita dapat sekali lagi menyambung amalan suci pada bulan Ramadhan yang mulia ini.

Pada malam yang berbahagia ini, dengan hati yang tunduk dan kyusuk kepada Allah, dengan jiwa yang penuh dengan keluhuran sinar Islam dan keagungannya, kita membuat ibadat dengan bersama-sama menghadiri pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan yang bermula malam ini dan akan diikuti pula, dua malam selepas ini, dengan pertandingan pada peringkat Antarabangsa.

Tahun ini ialah tahun yang keduabelas pertandingan ini diadakan—pertandingan yang menyemarakkan semangat Al-Quran dan semangat kasihan Al-Quran dan ajaran-ajaranNya dalam hati seluruh umat Islam di negara kita ini. Begitu juga, pertandingan Membaca Al-Quran ini telah menjadi satu-satunya simbol pengenalan negara Malaysia kepada negara-negara luar Islam.

Saya sangat berbesar hati dengan sambutan yang diberikan kepada Pertandingan Membaca Al-Quran ini, bukan sahaja dari kalangan umat Islam, tetapi juga ramai dari kalangan-kalangan orang yang bukan Islam yang sama-sama menikmati pertandingan ini.

Dengan itu, nyatalah bahawa pertandingan Membaca Al-Quran ini merupakan satu usaha yang baik bagi mencari ketenangan jiwa dan perpaduan hati untuk sebahagian besar penduduk-penduduk negara ini khususnya. Maka dengan sendirinya, pertandingan ini telah menjadi satu perayaan atau peristiwa yang bercorak kebangsaan Malaysia yang dapat diterima oleh semua golongan masyarakat kita.

Saya sangat tertarik hati dengan tema pertandingan pada tahun ini iaitu "Islam dalam zaman Sains dan Teknologi". Ini sangat sesuai sekali kerana Islam ialah ugama pengetahuan yang menggalakkan kemajuan sains. Kita dapati banyak ayat-ayat di dalam Al-Quran, dengan mana Allah menyeru manusia supaya menyelidiki aspek-aspek kejadian alam untuk faedah pengetahuan dan kehidupan mereka.

Bahkan Allah telah menerangkan dalam Al-Quran setengah-setengah kejadian alam itu sendiri, seperti firmanNya yang bermaksud "Dan kami jadikan daripada air akan segala benda yang hidup." Kebenaran ini nyata sekali dari pengkajian-pengkajian dan penyiasatan yang dibuat oleh ahli-ahli sains mengenai asal usul alam yang kita diami ini.

Oleh itu, tidaklah hairan dalam masa Islam di mercu keagungannya dahulu, salah satu aspek kemajuannya ialah kemajuan dalam bidang sains. Orang-orang Islam di zaman itu sangat terkemuka dalam berbagai anika ilmu sains termasuk ilmu kimia, ilmu hisab, ilmu falak, kajihayat dan ilmu perubatan.

Contohnya ialah Ibnu Sina, seorang tokoh ulama yang terbesar di zaman itu dan beliau juga merupakan seorang tokoh sains perubatan yang teragung ketika itu. Tulisan-tulisannya mengenai perubatan dihormati dan tersebar luas sampai ke Eropah pada masa-masa yang kemudian daripadanya.

Demikianlah kemajuan Islam pada masa itu yang mencantumkan kemajuan dalam bidang Islam dan pengetahuan Islam dengan kemajuan sains dan ilmu seperti yang terdapat pada tokoh besar Ibnu Sina itu.

Kemajuan sains dan teknologi adalah juga hasrat yang terkandung dalam Rukunegara yang mendukung cita-cita "membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden".

Sebagaimana saudara-saudara maklum, masyarakat progresif yang menggunakan sains dan teknologi yang kita tujui itu adalah berlandaskan kepada rukun yang pertama dalam Rukunegara iaitu kepercayaan kepada Tuhan. Ertinya, masyarakat yang akan kita bina itu ialah masyarakat yang dapat menggunakan segala kemajuan sains dan teknologi tetapi dikelubungi oleh nilai-nilai kerohanian yang tulin.

Sebagai umat Islam, kita menganggap Kitab Suci Al-Quran ialah punca segala pengetahuan untuk dunia dan akhirat. Oleh itu, sewajarnya kita jadikan Pertandingan Membaca Al-Quran ini satu pertandingan untuk memperbaiki dan menyempurnakan bacaan kitab suci itu, dan juga untuk memahami dan mengamalkan segala hikmat-hikmat panduan hidup yang terkandung dalam Al-Quran itu.

Marilah kita menyempurnakan firman Tuhan 'Ikra' yang menyuruh kita membaca, mempelajari, menyelidiki dan mengkayakan diri dengan pengetahuan dan kepandaian teknologi supaya boleh membina masyarakat kita sekarang ini sebagaimana yang dikehendaki Allah: satu masyarakat yang adil, yang kekayaannya dapat dinikmati bersama secara saksama, dalam mana terdapat perimbangan ekonomi dan keadilan sosial: masyarakat yang memerangi kemiskinan dan kesusahan rakyat dengan segala daya dan tenaga.

Negara kita sekarang menghadapi cabaran masa depan yang besar—cabaran untuk membina sebuah masyarakat yang bersatu padu, kuat dan maju—cabaran untuk menyusun semula masyarakat untuk mewujudkan perimbangan ekonomi yang menjadi kunci kepada perpaduan negara yang sebenar.

Dalam hubungan ini, adalah mustahak kita memupuk semangat pembangunan dan kesedaran di kalangan umat Islam di negara kita supaya bangkit dan mara ke hadapan untuk mendapat kedudukan yang seimbang dengan golongan-golongan yang lain. Salah satu jalan yang baik dan berkesan ialah kita kembali kepada Al-Quran dan mengetahui makna dan hikmat-hikmat di sebalik ayat-ayat suci Al-Quran itu serta mengamalkannya bersungguh-sungguh, bukan mengamalkan mana yang disukai sahaja.

Orang Islam pada hari ini perlu memajukan diri mereka sebagai orang Islam yang taat kepada Tuhan dan di samping itu memajukan pengetahuan, kepandaian dan daya usaha mereka seperti orang-orang lain dalam masyarakat yang penuh dengan perlumbaan.

Pendek kata, masyarakat Islam kita pada hari ini menghendaki Ibnu Sina tumbuh dan ditumbuhkan dalam tiap-tiap keluarga Islam, dan untuk ini panduan yang diberi oleh Sydina Ali ibni

Talib alaihis-salam hendaklah dikembangkan seluas-luasnya. Sydina Ali berkata: "Ajarilah anak kamu pengetahuan yang lain daripada apa yang kamu pernah pelajari, kerana mereka hidup di zaman lain daripada zaman mu".

Dengan panduan inilah umat Islam di zaman gemilang dahulu mara dan maju, menyemarakkan nama Islam dalam berbagai lapangan. Dengan panduan inilah pula umat Islam pada masa ini patut mara ke hadapan untuk mencapai kemajuan supaya setanding dengan masyarakat bangsa-bangsa yang sudah maju.

Islam juga mengajar kita membasmi kemiskinan serta menghapuskan perhambaan dan penindasan sesama manusia. Inilah hasrat dan tujuan Kerajaan kita dalam melaksanakan Rancangan Lima Tahun Malaysia Kedua.

Seperti dimaklum, Rancangan ini bertujuan untuk membasmi kemiskinan dan untuk mewujudkan masyarakat yang adil dan saksama dengan merapatkan jurang perbezaan ekonomi antara kaum-kaum di negara kita ini.

Dalam pada itu, kita harus sedar bahawa Rancangan Malaysia Kedua ini bukanlah suatu tongkat hikmat yang akan dapat menyempurnakan—segala hajat rakyat jikalau rakyat sendiri tidak menyambut dan menggunakan segala kesempatan dan kemudahan yang diberikan oleh Kerajaan dengan cara yang betul-betul positif dan penuh keazaman.

Saya berseru kepada semua golongan rakyat supaya jangan hanya berpeluk tubuh menunggu faedah-faedah yang akan di-datangkan oleh rancangan ini terhidang di hadapan mereka. Sebaliknya mereka hendaklah mengubah sikap dan mengambil inisiatif bersama bagi mendapatkan segala faedah dari rancangan ini untuk kebahagiaan diri mereka sendiri, untuk masyarakat dan negara.

Saya suka mengulangi lagi seruan saya khasnya kepada orang-orang kita supaya mengubah sikap lama yang berserah kepada takdir semata-mata dan membaharui tekad untuk memulakan tapak hidup yang lebih sempurna bagi mereka dan keturunan akan datang.

Kerajaan hanya dapat menyediakan kemudahan-kemudahan dan peluang-peluang kepada rakyat, dan terpulanglah kepada kesanggupan mereka menyambut peluang-peluang ini dan menggunakannya dengan sebaik-baiknya. Kalau tidak, akibatnya mereka akan ketinggalan di belakang dan tiada siapa yang patut disalahkan melainkan diri mereka sendiri.

Dengan taufik dan inayah Tuhan dan dengan sokongan yang bulat dari seluruh rakyat, Kerajaan berazam akan menjalankan usahanya menerusi Rancangan Malaysia Kedua untuk mencapai cita-cita menyusun semula masyarakat Malaysia dan menjamin keadilan ekonomi, kemakmuran dan kesejahteraan rakyat. Saya sungguh gembira dengan sokongan yang hebat dari rakyat seluruh negara kepada segala dasar dan rancangan-rancangan Kerajaan Perikatan yang saya pimpin dan saya sekali lagi menyatakan azam dan dedikasi Kerajaan dalam menjalankannya untuk rakyat.

Akhirnya, saya suka mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada Jawatankuasa Pertandingan Membaca Al-Quran tahun ini yang dipengerusikan oleh Y.B. Tan Sri Syed Nasir bin Ismail, yang mempunyai banyak pengalaman dan telah memberi banyak jasa bagi menjayakan Pertandingan membaca Al-Quran ini pada masa yang lalu. Jawatankuasa Pertandingan tahun ini telah membuat beberapa pembaharuan yang menarik hati yang boleh memberi semangat dan inspirasi kepada kita sekalian, terutama dalam upacara pembukaan ini.

Saya juga mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan kepada pegawai-pegawai di semua peringkat yang telah memberikan kerjasama bagi menjayakan pertandingan tahun ini. Mudah-mudahan dengan izin Allah, pertandingan tahun ini akan mencipta lagi satu sejarah yang meninggalkan kesan gemilang dalam jiwa kita semuanya.

Dengan ini, dengan amat sukacitanya, saya merasmikan Pertandingan Membaca Al-Quran peringkat Kebangsaan Tahun 1971 ini.